جابتن حال احوال اݢام اسلام نݢري سابه

# KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

**16 MUHARRAM 1442H/ 04 SEPTEMBER 2020**

# MASYARAKAT HARMONI KEAMANAN DIKECAPI


Disediakan oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)


## Arahan kepada khatib:

- **Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah** menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali**.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yng dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkatan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit

## KHUTBAH PERTAMA

الحَمْدُ للهِ القَائِلِ:

﴿وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَٰكِن يُضِلُّ مَن يَشَاءُ وَيَهْدِي مَن
يَشَاءُ ۚ وَلَتُسْأَلُنَّ عَمَّا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ﴾ (سورة النحل: ٩٣)

أَشْهَدُ أَن لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ اتَّقُوا اللهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ
وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُوْنَ.

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini diberkati di dunia dan di akhirat.

**SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Kehidupan yang harmoni adalah salah satu tunjang yang menyumbang kepada keamanan dan kesejahteraan hidup di negara ini. Melalui kehidupan yang harmoni, masyarakat dapat bersatu tenaga dan fikiran bagi melaksanakan sesuatu untuk kebajikan bersama. Hal ini adalah disebabkan tenaga seorang individu tidak mampu mengatasi pelbagai tugas hidup. Sebaliknya tenaga ramai yang disatupadukan boleh menghasilkan kejayaan yang luar biasa. Oleh itu, tatkala umat bersatu padu, maka kejayaan yang cemerlang akan dicapai dan begitu juga sebaliknya. Firman Allah S.W.T dalam Surah Ali Imran ayat 103:

﴿وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۚ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ
بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُم بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنْهَا ۗ كَذَٰلِكَ
يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ﴾

**Maksudnya:** “*Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah*

*menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.*"

Menurut Al Hafidz Ibnu Kathir *rahimahullah,* ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan umat Islam untuk berjamaah/bersatu dan melarang berpecah-belah. Sesungguhnya kesatuan menjamin daripada berlakunya kesalahan.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI,**

Islam merupakan agama petunjuk yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada manusia dengan tujuan membawa manusia ke arah keharmonian dan kesejahteraan hidup didunia dan di akhirat. Dalam Islam, nilai agama bertunjangkan kepada tauhid dan bersendikan akidah dan syariah. Nilai yang dipegang adalah ajaran dan panduan dari al-Quran dan al-Sunnah. Sesungguhnya Islam adalah *ad-Din* yang merangkumi fitrah manusia, naluri, jasad, roh, akal, individu, masyarakat dan hubungan manusia dengan makhluk-makhluk lain. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 13:

﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٞ﴾

**Maksudnya:** *"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)."*

Berdasarkan ayat ini, kita mendapati bahawa risalah Nabi Muhammad SAW itu membahagikan manusia kepada dua kumpulan iaitu **Ummah Dakwah** yang merangkumi seluruh manusia, sama ada Islam dan bukan Islam; dan yang kedua, **Ummah Ijabah** iaitu manusia yang sudah memeluk Islam. Apapun pembahagiannya, kedua-duanya adalah tetap umat Nabi Muhammad S.A.W yang dikenali sebagai masyarakat majmuk berlandaskan kepelbagaian kaum dan agama dalam sebuah

negara. Apa yang jelas, Allah SWT telah menjadikan manusia itu pada dasarnya satu keluarga walaupun mereka itu berbeza bangsa dan bahasa.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sesungguhnya kita sangat beruntung kerana di negara ini walau pun terdapat banyak bangsa dan agama, namun kita masih dapat mengecapi keharmonian dan kebersamaan antara satu sama lain. Sesungguhnya nikmat keharmonian ini wajar disyukuri kerana ia merupakan suatu nikmat yang sangat berharga dan tidak ternilai.

Rasulullah SAW berpesan agar kita mengamalkan akhlak terpuji dan jangan menyakiti orang lain. Abu Musa al-Asy'ari meriwayatkan:

أَنَّ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم سُئِلَ أَيُّ الْمُسْلِمِينَ أَفْضَلُ قَالَ: مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

**Mafhumnya:** *"Suatu ketika, Rasulullah SAW ditanya, "Muslim yang bagaimanakah paling utama?" Nabi bersabda, "Muslim yang paling utama ialah seorang Muslim yang mana orang-orang Muslim (lainnya) selamat dari keburukan mulut dan tangannya".*

Justeru, sebagai mukmin sejati nikmat keharmonian dalam masyarakat yang telah sekian lama tersemai di negeri kita ini hendaklah dijaga dengan sebaik-baiknya. Sirami dan teguhkanlah ia dengan kasih sayang dan hormat menghormati antara satu sama lain. Jangan biarkan ia terkubur dek fahaman serta ideologi luar yang mengganggu gugat anugerah yang tiada tolok bandingannya ini.

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ ﴿ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴾

**Maksudnya:** "*Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk".* (Surah al- Qalam: 7)

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.